

**SOALAN NO: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah jawatan berstatus kontrak di sektor awam mendatangkan kebaikan atau keburukan kerana dengan status kontrak tidak dapat menjamin pekerjaan dan sumber pendapatan tetap untuk jangka masa panjang dan berapakah peratusan terkini pekerja berjawatan kontrak diserap menjadi kakitangan tetap.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan secara kontrak dapat memberi kebaikan kepada pegawai sekiranya dilihat daripada perspektif fleksibiliti dan peluang kepada pegawai untuk menimba pengalaman dari satu bidang pekerjaan kepada bidang pekerjaan yang lain. Ini akan mempertingkatkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang akan mempercepatkan *employability* pegawai tersebut. Pelantikan secara kontrak telah memberi peluang pekerjaan kepada 46,948 orang pegawai, sementara mereka mendapat pekerjaan lain sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan atau dalam sektor swasta. Walau bagaimanapun, pelantikan secara kontrak bukan merupakan suatu jaminan bagi pegawai untuk diserap ke jawatan tetap dalam perkhidmatan Kerajaan. Pegawai kontrak sewajarnya menggunakan pengalaman berkhidmat secara kontrak dengan Kerajaan sebagai persediaan semasa proses temu duga jawatan tetap.

Untuk makluman, dari tahun 2012 hingga 31 Mei 2014, seramai 1,561 orang pegawai kontrak telah dilantik ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 41**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentangkan kertas putih terhadap insiden MH370 di Parlimen berdasarkan "Cabinet Note" yang diberi oleh pemangku Menteri Pengangkutan pada 14 Mei 2014. Berapakah kos yang telah dibayar dalam misi '*search and rescue*' (SAR) dan anggaran kos yang akan dibelanjakan pada tahun yang akan datang.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.

Berkenaan dengan kos operasi SAR, ianya dilaksanakan sejajar dengan standard yang ditetapkan dibawah ANNEX 12 Search and Rescue (SAR), Chicago Convention 1944 di mana setiap Negara perlu menyediakan perkhidmatan SAR bagi kawasan di dalam kawasan *Search and Rescue Region (SRR)* yang telah ditetapkan oleh *Aviation Security, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*. Dalam hubungan ini, kos operasi SAR adalah ditanggung oleh negara-negara yang terlibat. Sehingga kini, Kerajaan masih lagi belum menilai keseluruhan kos kerana operasi SAR ini masih berjalan.